



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN HALAMAN
RUMAH BERSIH DAN INDAH KAMPONG GUAR KEPAYANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
1 FEBRUARI 2020 (SABTU)
9:30 PAGI

SEKOLAH KAFA, GUAR KEPAYANG

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmod
Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Dr Azura Binti Abdullah
Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
(LPPKN) Pulau Pinang

Encik Idris Bin Kadir
Pengerusi Jawatankuasa Surau Guar Kepayang

Ketua-Ketua Jabatan
Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

AJK-AJK Qariah dan Penduduk Guar Kepayang

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama Pengarah LPPKN Negeri dan juga dengan penduduk Kampong Guar Kepayang dalam menjayakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Pengerusi Jawatankuasa Surau Guar Kepayang, AJK-AJK nya serta penduduk setempat kerana telah menyahut cabaran Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam melaksanakan program-program hijau dan bersih yang sering diwar-warkan oleh MBSP. Seberang Perai ini bukan hak MBSP sahaja tetapi hak kita bersama untuk menjaganya. Komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh Pengerusi dan penduduk Guar Kepayang ini haruslah dijadikan contoh pada semua surau-surau di Seberang Perai. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Encik Mohd Saifullah Bin Abd Nasir, Ahli Majlis MBSP yang selama ini telah banyak membantu dalam program ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Program Halaman Rumah Bersih dan Indah Guar Kepayang ini telah dilancarkan pada 1 Mei 2019. Program ini adalah hasil kerjasama Ahli Majlis, Encik Mohd Saifullah Bin Abd Nasir, MBSP dan juga Jawatankuasa Surau Guar Kepayang. Oleh itu, pada hari ini diadakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Guar Kepayang sebagai tanda penghargaan di atas kejayaan penduduk yang telah bertungkus lumus berusaha mencantikkan kawasan halaman dan menjaga kebersihan kawasan halaman masing-masing.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Program Pertandingan Halaman Bersih dan Indah ini merupakan inisiatif MBSP melalui Pasukan *Local Action 21* dalam mempertingkatkan kesedaran dan amalan menjaga kesihatan serta kebersihan persekitaran dalam membentuk budaya kampung yang bersatu-padu, indah dan tersusun menerusi aktiviti pertandingan ini. Secara tidak langsung, program ini dapat menyemai amalan menjaga kebersihan dan keindahan tidak hanya dalam rumah tetapi di luar rumah juga. Selain itu, penduduk juga dapat memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes yang mana ianya boleh mengancam kesihatan kita.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, kes penyakit demam denggi menunjukkan peningkatan yang seiring dengan pertambahan penduduk di kawasan bandar, pembangunan dan peningkatan kepadatan penduduk. Pada tahun 2017, sebanyak 841 kes demam denggi dilaporkan di seluruh Seberang Perai. Pada tahun 2018, sebanyak 2307 kes demam denggi telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 63.54%. Manakala pada tahun 2019, 596 kes yang telah dilaporkan dan Alhamdulillah berlaku penurunan. Setakat Januari 2020, hanya 49 kes dilaporkan.

Faktor utama yang menyebabkan merebaknya penyakit denggi adalah disebabkan faktor kebersihan sekitar. Aedes membiak di dalam bekas yang dasarnya bukan tanah dan airnya bersih dan jernih. Bekas-bekas menakung air seperti tin-tin yang dibuang dan tayar buruk adalah punca pembiakan aedes. Mengikut laporan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Index Aedes tertinggi di Pulau Pinang adalah di:-

- i. Tapak binaan;
- ii. Tanah lapang / taman mainan / rumah terbiar dan bersemak samun;
- iii. Aktiviti sampah haram; dan
- iv. Penyimpanan barang lusuh.

Penduduk perlu bekerjasama dengan agensi kerajaan bagi menjaga kebersihan Seberang Perai. Mencegah lebih baik dari mengawal. Oleh itu pencegahan dari awal perlu dilakukan oleh orang ramai melalui pencegahan dengan memusnahkan tempat pembiakan aedes;

- i. Kerap melakukan gotong royong kebersihan sekitar untuk menghapus tempat pembiakan aedes.
- ii. Menjaga kebersihan sekitar dengan membuat pemeriksaan sekitar rumah setiap minggu.
- iii. Berkerjasama dengan agensi kerajaan / Pihak berkuasa tempatan dalam menjaga kebersihan Seberang Perai dalam segala aktiviti menjana kebersihan sekitar. (contohnya aktiviti program pengasingan di punca bahan buangan bagi menjana kebersihan sekitar Seberang Perai).
- iv. Tidak membuang sampah sesuka hati. Sila buang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan oleh MPSP.
- v. Rumah kediaman tidak dijadikan tempat penyimpanan barang lusuh.
- vi. Rumah kediaman tidak dibiarkan dalam keadaan semak samun / kotor.
- vii. Pemaju sentiasa menjaga tapak binaan bebas pembiakan nyamuk aedes.

viii. Orang ramai janganjadikan taman permainan awam, tempat rekreasi awam dan tanah lapang sebagai tempat pembuangan sampah.

Secara tidak langsung, program sebegini dapat menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak penduduk untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Kampung Guar kepayang merupakan kampung yang terpilih dalam program *Pilot Project* Kampung Sisa Sifar yang dipilih oleh Jawatankuasa *Task Force Penglibatan Komuniti Majlis Bandaraya Seberang Perai*. Selain itu, Kampung Guar kepayang juga terlibat dengan program FACE iaitu Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti yang dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN). FACE merupakan program untuk mensejahterakan keluarga dengan memperkasakan keluarga dan komuniti. Justeru, MBSP merasakan bahawa ini adalah masa yang terbaik bagi LPPKN, MBSP serta penduduk berganding bahu melaksanakan program-program hijau dan bersih

bersama komuniti. Menepati slogan MBSP iaitu *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dengan konsep 7P ini, banyak hasil terbaik dapat diperolehi. Tahniah dan syabas kepada Dr Azura Binti Abdullah dan Pengerusi Jawatankuasa Surau Guar Kepayang, Encik Idris Bin Kadir.

Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah Guar Kepayang 2019 ini merupakan tahun pertama ia dilancarkan. Pertandingan ini terbuka kepada penduduk Guar Kepayang bermula 1 Mei 2019 hingga 30 November 2019. Ada beberapa kriteria yang diambil kira untuk penilaian. Antaranya ialah:

- Jumlah pokok hiasan yang ditanam serta susun atur landskap (20markah)
- Penanaman sayur-sayuran (10markah)
- Keadaan kebersihan halaman rumah (30markah)
- Penggunaan bahan buangan secara optima untuk hiasan (10markah)
- Penghasilan kompos sebagai baja tanaman (10markah)
- Pengasingan sisa di punca untuk kitar semula (20markah)

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Pada tahun ini, Encik Mohd Saifullah Bin Abd Nasir (Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai) telah menaja sebanyak 15 hadiah yang merupakan barang elektrik. Hadiah bagi pemenang adalah seperti berikut:

- Johan (Oven elektrik bernilai RM500 + sijil kepujian)
- Naib Johan (Radio beserta cd player RM300-silver + sijil kepujian)
- Ketiga (Microwave oven bernilai RM200 + sijil kepujian)
- Inovasi (2 Hadiah Food steamer bernilai RM100 + sijil kepujian)
- Saguhati (10 Hadiah Kipas Meja 16' bernilai RM80+ sijil kepujian)

Pada tahun 2019, bengkel pengkomposan telah dijalankan sebanyak dua kali iaitu pada 1 Mei 2019 dan 11 November 2019. Bengkel ini bertujuan untuk menggalakkan penduduk Kampung Guar Kepayang menjalankan aktiviti pengkomposan yang merupakan salah satu kaedah menguruskan sisa dengan baik. Baja kompos yang terhasil juga membolehkan ia digunakan untuk tanaman sayur yang diusahakan. Selain itu, Ahli Majlis MBSP Encik Mohd Saifullah Bin Abd Nasir juga telah

bermurah hati menyumbangkan sangkar kitar semula kepada Jawatankuasa Surau Guar Kepayang dengan menggunakan peruntukan beliau sendiri.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Di Seberang Perai, hanya dua buah kampung yang terlibat dengan Program Halaman Rumah Bersih dan Indah iaitu Kampung Permatang Nibong (SPT) yang telah mula terlibat pada tahun 2018 dan Kampung Guar Kepayang (SPU) ini pada tahun lepas 2019. Pada tahun ini, MBSP akan memberikan latihan upcycle kepada penduduk yang berminat. Saya berharap agar lebih ramai lagi yang akan sertai Program Halaman Bersih dan Indah pada tahun 2020. Syabas dan Tahniah kepada dua buah kampung-kampung contoh ini. Saya berharap akan lebih banyak lagi MPKK yang terlibat dan berminat untuk bekerjasama dengan MBSP bagi melaksanakan program-program sebegini.

MBSP sentiasa meletakkan kehendak warga Seberang Perai di hadapan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk kesejahteraan dan kemakmuran penduduk agar sentiasa dekat di hati. Seberang Perai akan menjadi sebuah bandar yang mampan dan lestari kerana rakyatnya didokong oleh sikap bersedia melakukan perubahan, bersatu hati dan berganding bahu. Manakala MBSP pula meletakkan Pendekatan 7Ps

(People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership) sebagai titik tolak untuk memberikan yang terbaik.

MPSP mengamalkan dasar penuh kebertanggungjawaban dan keterbukaan serta penyampaian perkhidmatan yang pantas dan berkesan dalam usaha meningkatkan keyakinan semua pihak. Sebagai *People Centric Government*, MPSP sentiasa memberi fokus kepada kesejahteraan rakyat sejajar dengan Wawasan Penang2030 : Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara dengan bertemakan Meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan di samping menaik taraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah . Di harap inisiatif strategik ini akan menjadi landasan untuk MBSP meluncur laju 10 tahun akan datang membawa Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang Pintar dan Hijau yang akan menjadi inspirasi kepada negara.

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.**